

16 MAY 2003

Isa-NGO

NGO DIALU-ALUKAN BERTANDING SECARA BERADAB TERTIB

SEREMBAN, 16 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad menyambut baik langkah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang membenarkan badan bukan kerajaan (NGO) bertanding pada pilihan raya bagi memperjuangkan misi pertubuhan dan masyarakat.

Beliau berkata pada masa ini memang ramai pemimpin NGO yang suka memainkan isu politik, tetapi mereka berselindung di sebalik pertubuhan masing-masing.

"Jadi apabila mereka dibenarkan bertanding dalam pilihan raya, mereka bertandinglah secara lebih "gentleman".

"Negara kita mengamalkan prinsip demokrasi dan sesiapa sahaja boleh bertanding sama ada menerusi parti politik atau bebas," katanya mengulas kenyataan Pengerusi SPR Datuk Wira Abdul Rashid Abdul Rahman bahawa NGO boleh bertanding pada pilihan raya asalkan mendaftar terlebih dahulu dengan SPR.

Mohamed Isa ditemui selepas malancarkan Pasukan Mencegah Kebakaran dan Keselamatan Syarikat Samsung, dekat sini hari ini.

Hadir sama Presiden Kumpulan Samsung Eletronik Kim Jong Ki, Pengarah Bomba dan Penyelamat negeri Othman Abdullah dan Pengarah Jabatan Pertahanan Awam (JPA3) negeri Che Othman Hussin.

Abdul Rashid dilaporkan berkata berdasarkan pemerhatian SPR memang ada NGO yang boleh mengambil bahagian dalam pilihan raya berdasarkan skop perlembagaan masing-masing.

Katanya pendekatan terbaru itu bukan sahaja merangkumi parti-parti politik yang telah didaftarkan mengikut Akta Pertubuhan, malah NGO yang ingin bertanding juga dikehendaki berbuat demikian selain mematuhi peraturan yang ditetapkan SPR, termasuk mendaftarkan simbol masing-masing.

Ditanya sama ada tindakan itu akan mendorong pemimpin NGO lebih menumpu kepada soal politik daripada peranan sebagai pemimpin organisasi bukan kerajaan, Mohamed Isa berkata jika itu yang berlaku, anggota badan tersebut perlu bijak membuat pilihan sama ada memilih pemimpin itu atau tidak.

Diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa terdapat golongan yang cuba menggunakan Puteri Umno untuk berkempen, beliau berkata perkara itu tidak seharusnya berlaku.

"Saya rasa golongan itu adalah golongan yang terdesak. Mereka sanggup melakukan apa sahaja untuk kepentingan diri tanpa memikirkan kepentingan parti," katanya.

-- BERNAMA

APG LAT